

# REXOM<sup>TM</sup> WINACOL SYRUP FOR CHILDREN

Guaiphenesin (50mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Winacol
2. Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Winacol berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winacol
4. Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winacol
5. Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winacol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Winacol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Winacol

Untuk melegakan gejala batuk disebabkan oleh selsema dan jangkitan ringan saluran pernafasan atas.

## Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Winacol berfungsi

REXOM<sup>TM</sup> Winacol mengandungi guaifenesin yang mempunyai tindakan ekspektoran yang memudahkan penyingkiran mukosa.

## Sebelum menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winacol

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Ia tidak boleh digunakan jika anda hipersensitif kepada guaiphenesin atau komponen lain di dalam formula ini.
- Bukan untuk batuk yang berterusan dan pada masa yang sama mengalami asma, kesukaran bernafas atau merokok, atau di mana batuk disertai dengan rembesan berlebihan.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winacol

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sup>TM</sup> Winacol seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

#### **Kanak-kanak:**

6-12 tahun: 100 hingga 200 mg

2-6 tahun: 50 hingga 100 mg

### -Bila perlu diambil

Untuk diambil 3-4 kali setiap hari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Winacol seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak REXOM<sup>TM</sup> Winacol mungkin menyebabkan:

- Ketidakselesaan gastrousus.
- Mual
- Muntah

## Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winacol

### -Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winacol.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sup>TM</sup> Winacol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor jika batuk berterusan selama lebih daripada 1 minggu, cenderung untuk berulang, atau disertai dengan demam tinggi, ruam atau sakit kepala yang berterusan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sup>TM</sup> Winacol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Ketidakselesaan gastro-usus.
- Mual
- Muntah.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

# REXOM<sup>TM</sup> WINACOL SYRUP FOR CHILDREN

Guaiphenesin (50mg/5ml)

---

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **REXOM<sup>TM</sup> Winacol**

#### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan diantara 15 - 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

#### -Rupa dan warna produk

Larutan sirap merah jambu.

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi

50mg Guaiphenesin

- Bahan-bahan tidak aktif

Menthol crystal, Glycerin, Sodium benzoate, Carmoisine supra dan Perisa strawberi.

#### -Nombor MAL

MAL19990611X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.

Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park

Phase 4, 11900 Penang,

Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

30/07/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)301017/00295